



SIARAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

EAIC UMUM PENJENAMAAN SEMULA, PERKUKUH PERANAN SEBAGAI PEMANTAU BEBAS

UNTUK SIARAN SEGERA

8 OGOS 2025

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) hari ini mengumumkan penjenamaan semula organisasi termasuk pengenalan logo baharu sebagai simbol komitmen terhadap pembaharuan dan pengukuhan peranan institusi ini sebagai badan pemantau bebas, selaras dengan mandat di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

Penjenamaan semula ini merupakan kesinambungan kepada usaha pembaharuan progresif yang digerakkan sejak 2024, termasuk penubuhan Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam seperti pembuangan e-waste secara haram serta penyalahgunaan kuasa dalam pengeluaran visa perubatan dan kajian untuk mengenal pasti langkah pencegahan kematian dalam tahanan.

Usaha lain merangkumi pemantapan prosedur operasi standard (SOP) siasatan dan pewujudan mekanisme *traffic light* bagi memantau kemajuan siasatan yang telah melonjakkan kadar penyelesaian aduan kepada 99%, kajian keberkesanan operasi agensi penguatkuasaan seliaan, penyertaan dalam operasi dan konsultasi di lapangan bersama pihak berkepentingan untuk memahami isu di peringkat akar umbi bagi merangka syor penambahbaikan yang berimpak tinggi.

EAIC juga konsisten dalam mengumumkan laporan hasil siasatan kepada umum bagi kes-kes yang disiasat, selaras dengan kehendak Seksyen 30(5), Akta 700. Tindakan ini mencerminkan komitmen keterbukaan Suruhanjaya kepada rakyat serta mendukung prinsip akauntabiliti institusi.

Sebagai kemuncak kepada segala usaha pembaharuan yang telah digerakkan, pelantikan EAIC sebagai Ketua Pengeraju Focus Group Penguatkuasaan di bawah Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI), yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap kredibiliti dan komitmen EAIC dalam memacu agenda integriti nasional, selaras dengan aspirasi pencapaian sasaran CPI 2033.

Pengerusi EAIC, Tan Sri Dr. Ismail Bakar, berkata perubahan ini bukan sekadar penjenamaan visual, tetapi merupakan satu langkah strategik ke arah memperkukuh fungsi pengawasan EAIC secara lebih berfokus dan responsif. Beliau menegaskan reformasi institusi menuntut keberanian untuk berubah dan EAIC memilih untuk bergerak ke hadapan dengan penuh ketegasan serta rasa tanggungjawab terhadap amanah rakyat.



Logo baharu EAIC menampilkan elemen 'mata harimau' dan 'kuku harimau' yang melambangkan ketajaman dan kewaspadaan dalam memantau salah laku, mencerminkan komitmen Suruhanjaya dalam menerajui reformasi integriti agensi penguatkuasaan secara berterusan dan berkesan. Pelaksanaan identiti ini akan dijalankan secara berfasa, bermula dengan platform digital dan dokumen rasmi, diikuti penyesuaian bahan bercetak dan papan tanda fizikal.

Penjenamaan semula ini diharap akan dapat menyampaikan matlamat Suruhanjaya dengan lebih jelas untuk terus bergerak ke hadapan sebagai peneraju dalam reformasi integriti institusi penguatkuasaan, dengan fokus memperbaiki proses, meningkatkan ketelusan dan membina kepercayaan masyarakat secara berterusan.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731